

PEMBANGUNAN INSAN DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Saharia Hj. Ismail

Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia.

Emel: saharial@kuim.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan ialah satu sistem dalam sesebuah kehidupan yang mengandungi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Secara umumnya, pendidikan itu hanyalah bentuk-bentuk latihan bagi membentuk diri individu, masyarakat dan negara sesuai dengan realiti dan cabaran semasa. Walau bagaimanapun, pendidikan dalam Islam bukan semata-mata memberi tunjuk ajar kepada masyarakat tetapi meliputi satu proses yang luas. Pendidikan dalam Islam merangkumi segala aspek kehidupan duniawi maupun ukhrawi. Dalam mendidik manusia, Islam mengambil kira hakikat kejadian manusia yang terdiri daripada jasmani, akal dan jiwa, tanpa mengabaikan sebarang bahagian. Dengan itu, Islam mendidik manusia secara menyeluruh - meliputi semua aspek kehidupannya sama ada jasmani, akal dan jiwa atau kehidupan yang bersifat maddi (material) dan maknawi (spiritual). Di Malaysia, matlamat dan hasrat pendidikan itu dapat dilihat dalam pembentukan sebuah falsafah pendidikan. Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang digubal pada tahun 1987 dan dibuat semakan pada tahun 1996 serta telah ditukar namanya kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) direncanakan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Bukan sekadar FPK malah Falsafah Pendidikan Islam (FPI) juga telah menyokong matlamat FPK dengan menyatakan bahawa dasar kepada pendidikan itu adalah bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Berdasarkan falsafah ini, maka kurikulum yang direka adalah selaras dengan maksud FPK dan FPI iaitu untuk membentuk, membangun dan mengembangkan potensi individu ke arah pembangunan insan yang seimbang dan harmonis berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah.

KATA KUNCI: *pembangunan insan, falsafah pendidikan kebangsaan, pendidikan Islam*

ABSTRACT

Education is a system in a life that contains activities related to the establishment and development of knowledge, skills, spiritual and physical

worlds. In general, education is only forms of exercise for forming the individual, society and state in accordance with the realities and challenges. However, education in Islam is not merely provide guidance to the public but covers a broad process. Education in Islam encompasses all aspects of earthly life and the hereafter. In educating people, Muslims consider the fact that the creation of man consists of body, mind and soul, without neglecting any part. Thus, Islam educates people as a whole - covering all aspects of life, whether physical, mind and soul or life of a maddi (material) and the spiritual (spiritual). In Malaysia, the goals and aspirations of the education can be seen in the establishment of an educational philosophy. The Philosophy of Education (FPN), enacted in 1987 and made revisions in 1996 and changed its name to Islamic Education Philosophy (FPK) is planned to produce citizens who have a good personality, balanced and coherent intellectually, spiritually, emotionally and physically based on the belief in God. Not only FPK even Education Philosophy Islam (FPI) also supports the goals of the basic education is derived from al-Quran and al-Sunnah. Based on this philosophy, the curriculum is designed in accordance with the purpose of FPK and the FPI which is to establish, build and develop the potential of individuals towards the development of a balanced and harmonious based on the al-Quran and al-Sunnah.

KEYWORDS: *human development, national education philosophy, Islamic studies*

1.0 PENGENALAN

Pembangunan insan adalah satu proses membentuk dan mendidik manusia secara seimbang dan holistik. Ia merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, fizikal, intelektual dan sosial untuk kepentingan duniawi dan ukhrawi. Proses membangunkan manusia ini memerlukan satu usaha yang konsisten dan berterusan agar tidak berlaku kepincangan dalam mana-mana peringkat pelaksanaannya. Usaha pembangunan insan ini merupakan satu usaha pendidikan yang paling utama. Ia bertujuan untuk melahirkan manusia yang berkeupayaan membangunkan seluruh potensi diri dan setiap bakat serta kebolehan yang tersembunyi di dalam diri seseorang. Keupayaan untuk melakukan penyelongkaran dan pembangunan serta pembinaan insan yang seumpama ini akan membantu melahirkan sekali gus menzahirkan diri insan itu seutuhnya atau insan yang paling sempurna.

Dalam konteks negara kita, insan seutuhnya yang ingin dibina, dibangunkan serta dilahirkan seterusnya menzahirkan dirinya sebagai insan seimbang dari segala aspek hidup dan kehidupannya merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani dan inteleknya. Hal ini hanya mungkin terjadi dan terlaksana kiranya ia dapat menghayati serta mengamalkan

konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hasil yang terzahir nanti ialah insan seimbang yang berkeupayaan mensejahterakan dirinya, keluarga, masyarakat serta umat seluruhnya.

Sehubungan itu, proses pendidikan itu secara langsung merupakan kitaran hayat insan yang saling memperlengkap dengan seluruh sistem yang wujud di persekitaran sosialnya. Melalui pendidikan, seseorang insan itu akan terdidik dengan sifat-sifat kemanusiaannya. Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009) menyatakan bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekali gus beradab. Apabila kita memperihalkan tentang pendidikan dalam pengertian yang luas ruang lingkupnya, sebenarnya kita secara langsung atau secara tidak langsung membicarakan soal perubahan sekali gus membicarakan agenda pembinaan akhlak dan seluruh kelompok yang termasuk dalam kerangka pendidikan itu. Dengan itu tujuan dan matlamat pendidikan adalah bagi melahirkan insan sempurna (Ahmad Mohd. Salleh, 2008; Ghazali Darusalam, 2004; Hassan Langgulung, 1991; Tajul Ariffin Noordin, 1993) seperti yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-Tin: 4 yang bermaksud: *“Sesungguhnya kami telah menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian.”* Manusia adalah makhluk paling istimewa yang dicipta oleh Allah s.w.t. Menurut Tajul Ariffin Noordin dan Nor 'Aini Dan (2002) manusia sebagai insan disempurnakan sifatnya dengan anugerah akal, potensi pembelajaran dan kemahiran untuk memahami dan menguasai ilmu.

Justeru itu, proses pendidikan amat penting dalam kehidupan ini agar dapat merealisasikan apa yang termaktub dalam al-Quran. Ekoran daripada itu, bagi melaksanakan proses ini dengan lebih teratur dan sistematik, konsep dan falsafah pendidikan bagi sesebuah masyarakat haruslah diteliti dan difahami. Oleh yang demikian, perbincangan di dalam penulisan ini akan menfokuskan tentang Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dari sudut pemulaan pembinaannya serta kandungannya yang menekankan aspek pembangunan insan itu sendiri.

2.0 LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DI MALAYSIA DAN PEMBENTUKAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN (FPK)

Sebelum negara mencapai kemerdekaan, pendidikan yang wujud adalah terasing, selari dengan corak pemerintahan Pecah-Perintah yang diamalkan penjajah Inggeris. Setiap kaum menubuhkan

sekolah mereka iaitu sekolah Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil yang menggunakan bahasa pengantar, kurikulum, buku dan guru masing-masing. Hanya dalam sekolah Inggeris kanak-kanak pelbagai kaum dapat belajar bersama tetapi sistem persekolahan tersebut tidak dipersetujui oleh majoriti penduduk.

Pendidikan formal telah wujud di Malaysia sebelum kedatangan penjajah Inggeris mahupun semasa pemerintahan Inggeris. Pada ketika itu pendidikan telah berkembang dan disesuaikan untuk memenuhi keperluan zaman. Menjelang kemerdekaan, timbul kesedaran untuk mewujudkan satu sistem persekolahan. Beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji sistem persekolahan pada masa itu dan menghasilkan laporan- laporan berikut:

- a. Laporan Barnes (1951) – menyemak dan memperbaiki keadaan pendidikan kaum Melayu;
- b. Laporan Fenn-Wu (1951) – menyemak pendidikan kaum Cina;
- c. Ordinan Pelajaran (1952) – mengesyorkan sekolah kebangsaan sebagai corak sistem persekolahan kebangsaan; dan
- d. Laporan Razak (1956) – meletakkan asas bagi perkembangan sistem pendidikan untuk memupuk perpaduan melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan untuk semua, Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama serta kurikulum kebangsaan, sukatan pelajaran dan sistem peperiksaan yang sama bagi semua sekolah. Selepas kemerdekaan, sistem pendidikan telah dibentuk bersesuaian dengan keperluan negara yang merdeka (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010).

Penyata Razak 1956¹ telah menjadi asas dalam penggubalan Ordinan Pelajaran 1957 yang bermatlamat membina sebuah negara yang bersatu melalui kurikulum yang sama dan berorientasikan negara ini. Pada masa yang sama juga Bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan dan bahasa pengantar utama di sekolah (Mok Soon Sang, 2009; Tajul Ariffin Noordin dan Mohamed Sani Ibrahim, 2007).

¹ Perkara yang diutamakan dalam Penyata Razak ialah tentang perpaduan antara kaum Melayu, Cina dan India dan menjadi teras Dasar Pendidikan Kebangsaan. Lihat Bab 2 dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010

Selepas Penyata Razak,² Laporan Rahman Talib 1960 mengemaskinikan lagi sistem pendidikan pada masa itu. Penekanan terhadap pendidikan Vokasional dan Teknik untuk memenuhi keperluan tenaga mahir negara di samping penekanan kepada mata pelajaran Pendidikan Agama dan Moral. Pada tahun 1970, rentetan daripada peristiwa 13 Mei 1969, terdapat desakan mewujudkan perpaduan rakyat sehingga terbentuknya Rukun Negara yang mendasari sistem pendidikan di Malaysia. Diikuti selepasnya kerajaan telah mengistiharkan pelaksanaan³ Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk memupuk perpaduan rakyat (Tajul Ariffin Noordin & Mohamed Sani Ibrahim, 2007).

Selaras dengan perubahan dan penekanan dalam dasar-dasar kerajaan, pada tahun 1974 satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan. Jika dilihat bermula dengan Penyata Razak, Laporan Rahman Talib dan Dasar Pendidikan 1970 secara tersurat kesemuanya hanya menumpukan kepada perpaduan rakyat dan penghasilan tenaga kerja mahir. Oleh sebab itu berlakunya reformasi dalam sistem pendidikan dengan adanya syor-syor dari⁴ Laporan Kabinet 1979 ini. Beberapa penambahbaikan telah dibuat antaranya penekanan terhadap pembinaan keperibadian insan yang seimbang. Laporan Jawatankuasa Kabinet ini telah dijadikan

² . Perakuan Laporan Razak dikaji semula oleh Jawatankuasa Rahman Talib pada tahun 1960. Laporan jawatankuasa ini menjadi asas kepada penggubalan Akta Pelajaran 1961 yang menggariskan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama pada semua peringkat pendidikan serta penggunaan kurikulum dan peperiksaan yang sama untuk semua pelajar. Dasar pendemokrasian pendidikan bermula pada tahun 1962 dengan memberi penekanan kepada pendidikan percuma untuk semua pelajar. Dasar ini diperluas dengan mengadakan pendidikan universal selama sembilan tahun apabila peperiksaan pemilihan masuk ke sekolah menengah dihapuskan pada tahun 1964. Penghapusan peperiksaan pemilihan ini menyebabkan peningkatan kadar penyertaan ke sekolah menengah. Kadar ini terus meningkat apabila terdapat perubahan dasar yang melanjutkan pendidikan universal kepada 11 tahun secara berperingkat mulai tahun 1992. Laporan Talib ini telah diperakukan dalam Akta Pendidikan 1961. Ibid Bab 2.07 hal. 17

³ . Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB, 1970-1990) bermatlamat untuk mengukuhkan perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan di kalangan semua kaum dan penyusunan semula masyarakat. Dalam tempoh ini, pendidikan diberikan keutamaan untuk menangani masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat dengan menyediakan peluang pendidikan yang sama untuk semua kaum. Ibid Bab 2.09 hal. 17

⁴ . Pada tahun 1979, semakan semula pelaksanaan dasar pendidikan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) telah menggariskan cadangan pendekatan dan strategi baru untuk memantapkan sistem pendidikan antaranya peluang pendidikan untuk warganegara ditingkatkan dengan menambahkan kemudahan fizikal dan infrastruktur terutama di luar Bandar, mengurangkan jurang perbezaan peluang pendidikan antara golongan kaya dengan miskin, program sokongan pendidikan seperti Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Televisyen Pendidikan, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), asrama desa dan asrama harian, biasiswa, Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan program kesihatan dipertingkatkan, usaha merakaraya kurikulum dibuat dan ini menyaksikan lahirnya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan diikuti dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Ibid Bab 2.11 & 2.12 hal 18

landasan untuk menggubal dan melaksanakan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) mulai tahun 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989.⁵

Tajul Ariffin Noordin (1993) menjelaskan bahawa sistem pendidikan Malaysia telah memasuki era yang lebih baik dengan teretusnya Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pada tahun 1987. Falsafah ini sekali gus telah menggambarkan hakikat keseluruhan yang terdapat dalam sistem pendidikan kebangsaan. Falsafah Pendidikan Negara (FPN) akan menentukan arah haluan, asas dan sumber inspirasi kepada semua usaha dan rancangan dalam bidang pendidikan. Matlamat pendidikan negara adalah untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. FPN yang telah digubal pada tahun 1988 telah disemak semula pada tahun 1996 dan hasilnya nama FPN telah ditukarkan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan terdapat beberapa pernyataannya juga diubah kepada berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan (ke arah) untuk lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta dapat menyumbang sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Manusia yang ingin dilahirkan menerusi FPK ini tentunya mempunyai perwatakan yang indah dan unggul. Mereka adalah insan yang baik dan mulia, rakyat yang amanah dan bertanggungjawab, warganegara yang setia serta bersemangat tinggi. Insan yang baik akan membina keluarga yang baik. Justeru, masyarakat dan bangsa yang baik akan terbentuk. Wujudnya FPK (dulu FPN) yang tersurat secara rasmi pada tahun 1987 adalah untuk memenuhi matlamat di atas. Jelasnya, hala tuju pendidikan berasaskan FPK adalah bercorak individu dan juga kemasyarakatan. Ini selaras dengan usaha ke arah melahirkan insan yang baik, sekaligus merupakan anggota masyarakat dan warganegara yang baik.

⁵ Falsafah Pendidikan Kebangsaan telah digubal pada tahun 1988 bagi memperteguh hala tuju dan matlamat pendidikan negara. Falsafah ini menekankan pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk pelajar yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ibid Bab 2.13 hal 18

2.1 Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

Agenda utama dalam sesebuah pendidikan ialah perubahan dan tranformasi diri individu dari satu tahap ke satu tahap. Perubahan dan tranformasi ini tidak akan terlaksana tanpa melibatkan pembangunan insan yang perlu direncanakan mengikut acuan FPK. Pembangunan insan yang seimbang dan holistik tidak akan meminggirkan mana-mana aspek bahkan akan digabungkan agar dapat melahirkan insan yang mempunyai pegangan agama, nilai-nilai murni serta berkemahiran.

Berdasarkan kepada FPK, matlamat pendidikan adalah untuk melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dari semua aspek kemanusiaan. Maka di dalam pernyataannya terdapat unsur-unsur penting yang berkaitan dengan pembangunan insan iaitu membangunkan intelek, membangunkan rohani dan emosi serta membangunkan jasmani. Elemen-elemen ini penting disepadukan bagi membangunkan insan agar tidak berlaku kepincangan kejadian terhadap makhluk ciptaan Allah s.w.t. Ini telah dijelaskan oleh Tajul Ariffin Noordin (1993) bahawa ketidakseimbangan elemen-elemen ini akan membawa kepada golongan manusia yang pelbagai. Sebaliknya, pendidikan yang hendak dihasilkan melalui FPK ialah satu golongan manusia sahaja iaitu manusia yang bergelar insan terangkum padanya nilai-nilai murni sama ada aspek rohani, emosi, jasmani dan pemikirannya. Ke semua elemen inilah yang menjadikan manusia itu sebaik-baik kejadian (*ahsanu al- taqwim*).⁶

2.2 Pembangunan Intelektual

Menurut Mok Soon Sang (2004), falsafah mempersoalkan prinsip-prinsip realiti, ilmu dan nilai. Bagi membangunkan intelektual dan pemikiran manusia, salah satu cabang utama falsafah iaitu epistemologi berperanan untuk membangun manusia. Kewujudan konsep ilmu ini mampu meningkatkan dan memperkembangkan minda manusia. Sistem pendidikan di Malaysia yang disusun berdasarkan kurikulum banyak berkaitan dengan teori epistemologi iaitu teori ilmu. Islam membuktikan bahawa dengan ilmu telah membawa umat daripada kejahilan kepada cahaya kebenaran. Sehubungan dengan ini, kurikulum di dalam rangka FPK menyusun pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian bagi menepati teori ilmu. Maka, di dalam membangunkan intelektual manusia Ahmad Mohd. Salleh (2008) menyatakan terdapat beberapa unsur yang diberi

⁶. Lihat Surah Al-Tin (95) ayat 4, maksudnya "dan sesungguhnya kami telah menciptakan manusia itu dengan sebaik-baik kejadian."

tumpuan kepada daya berfikir iaitu mempunyai kemahiran 3M, mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu, berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) serta memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain. Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pula telah menfokuskan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)⁷ bagi menentukan kejayaan tranformasi pendidikan seperti yang digariskan. Ringkasnya, pembangunan intelektual ini lebih menjurus kepada pembangunan kognitif seseorang.

2.3 Pembangunan Kerohanian dan Emosi

Tajul Ariffin Noordin (1993) menyatakan bahawa bangsa yang kuat serta mulia tidak hanya bergantung pada kekuatan fizikal yang bercorak kebendaan dan teknologi. Dengan ini dapatlah difahami bahawa manusia yang berjaya bukan sahaja mereka yang cemerlang pada satu-satu aspek sahaja malahan istilah berjaya sebenar diukur pada kualiti rohaninya. Ini dijelaskan dalam al-Quran surah al-Mukminun: 1 maksudnya: *"Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman iaitu orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya....."*.

Berdasarkan ayat ini dapat difahami kekuatan dalaman seseorang merupakan kayu ukur bagi menentukan tahap kejayaan seseorang. Oleh kerana itu, FPK menekankan pembangunan rohani dan emosi secara seimbang dengan menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum (Ahmad Mohd. Salleh, 2008). Manakala bagi mengukuhkan lagi ilmu yang menghubungkan kepada kemantapan rohani, prinsip kepercayaan dijadikan pegangan oleh FPK. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah akan mengukuhkan lagi sahsiah peribadi manusia. Justeru itu, antara unsur-unsur rohani yang diterapkan dalam kurikulum pendidikan ialah menyedari dan menginsafi daya Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin sendiri serta membentuk akhlak mulia (Ahmad Mohd Salleh, 2008). Berkaitan dengan pembangunan rohani dan emosi ini pula boleh dihubungkan dengan afektif iaitu tentang perasaan dan kejiwaan.

2.4 Pembangunan Jasmani/Fizikal

Pengajaran dan pembelajaran tidak akan berjalan dengan lancar dan berkesan sekiranya kesihatan tubuh badan kurang memuaskan.

⁷Keupayaan untuk mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Pelaksanaan KBAT dalam bilik darjah melalui perubahan dalam kurikulum, pedagogi dan pentaksiran

Pepatah Arab ada menyebutkan "*akal yang sihat berada dalam tubuh badan yang sihat.*" Oleh sebab itu, dalam kurikulum yang dirangka oleh FPK telah menyepadukan pendidikan jasmani. Di tambah pula aktiviti ko-kurikulum yang berbentuk kesukanan, kemahiran teknikal dan vokasional serta keusahawanan. Kemahiran-kemahiran ini kelak akan membantu seseorang pelajar menjalani kehidupannya di atas muka bumi ini. Rasulullah s.a.w pernah bersabda mafhumnya: "... *kamu lebih mengetahui urusan duniamu, maka laksanakanlah apa yang kamu kehendaki...*". Ini menjelaskan bahawa dalam usaha untuk membangunkan insan, unsur-unsur kemanusiaan yang wujud dalam diri seseorang hendaklah dibangunkan seiring dengan perubahan zaman. Kaedah Usul yang menjadi pegangan ulama' dalam membina hukum juga bergantung dengan kepentingan dan masalah semasa iaitu konsep masalah mursalah. Dalam masa yang sama konsep *sad al-Zarai'* digunakan agar dapat menghalang sebarang keburukan (Hj. Hassan Hj. Ahmad & Hj. Mohd Soleh Hj. Ahmad, 2002). Sehubungan dengan ini, kurikulum pendidikan juga mengambil kira aspek perubahan ini agar pembangunan insan seiring dengan zaman.

Berkaitan dengan hal ini penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran akan membantu kemahiran psikomotor seseorang dalam mendapatkan maklumat-maklumat dengan mudah dan cepat.

Penumpuan terhadap pembangunan insan ini amat bertepatan dengan konsep pendidikan bersepadu yang terdapat dalam FPK. Namun, apa yang dihasratkan oleh FPK ini hanya sekadar impian. Isu keruntuhan akhlak terutamanya golongan pelajar dan remaja amat membimbangkan. Persoalannya, apakah FPK tidak berjaya melahirkan insan? Setelah hampir 26 tahun (satu jangka masa yang agak lama) konsep bersepadu telah diserapkan dalam sistem pendidikan tetapi mengapakah akhlak dan moral masih menjadi isu hangat diperbincangkan, apakah cabaran FPK bagi merealisasikan hasratnya?

Kesimpulannya, hakikat pembangunan insan dalam kerangka FPK itu sudah menampakkan keinginan dan kemahuan pendidikan di Malaysia dalam menghasilkan insan yang berkualiti dari semua aspek. FPK hanya sebagai garis panduan untuk kita mencapai maksud pendidikan yang sebenarnya. Justeru itu, sudah tentu wujud cabaran-cabaran dalam membangunkan insan menurut kerangka FPK kerana sistem pendidikan kini saling bersaing dalam mengejar kemahuan duniawi.

3.0 CABARAN DALAM MEMBANGUNKAN INSAN

Isu yang paling besar dalam sistem pendidikan mutakhir ini ialah pendekatan yang terlalu bersifat fizikal dan mekanikal. Menerusi pendekatan ini matlamat pendidikan tertumpu kepada konsep profesionalisme, kepakaran dan pengkhususan dalam bidang-bidang yang diperlukan segera pada satu-satu masa oleh pihak majikan atau pengajar tertentu dalam agenda besar iaitu industri pendidikan. Dalam keghairahan yang rakus ini, matlamat pendidikan untuk membangunkan insan yang bermoral, berakhlak, beradab dan berhikmah semakin terpinggir (Tajul Ariffin Noordin dan Mohamed Sani Ibrahim, 2007). FPK terpaksa berhadapan dengan cabaran-cabaran semasa dalam melahirkan insan sempurna. Isu-isu tentang keruntuhan akhlak dan globalisasi yang melanda perlu ditangani segera.

Secara ringkasnya, cabaran bagi FPK dalam membangunkan insan boleh dikategorikan kepada dua aspek iaitu aspek luaran dan kedua aspek dalaman. Aspek luaran yang dimaksudkan ialah pengaruh luar dari kawalan dan aspek dalaman lebih menjurus kepada kelemahan sistem pendidikan itu sendiri yang juga terkesan daripada pengaruh luaran. Aspek-aspek tersebut ialah globalisasi, sekularisme dan dualisme, kurikulum pendidikan dan profesionalisme guru.

3.1 Globalisasi

Trend globalisasi telah mencetuskan pelbagai cabaran dalam pelaksanaan pendidikan di Malaysia. Kehidupan global yang menyebabkan kebanjiran maklumat, akses yang mudah kepada dunia hiburan, layaran mudah bahan-bahan porno melalui internet dan kehidupan alam siber yang menjadi trend masyarakat menjadikan gejala negatif yang dominan di luar batasan moral masyarakat setempat sukar dipintas dan ditapis. Habib Mat Som dan Megat Kamaluddin (2006) menjelaskan, fenomena ini mempunyai pertalian yang signifikan antara kemajuan kehidupan manusia dengan kesan daripada ledakan perkembangan telekomunikasi yang membawa kepada penyelerakan maklumat secara terbuka melalui dunia hiburan, komunikasi, penyelerakan pelbagai idea, budaya dan lain-lain.

Kesan daripada globalisasi ini, dunia semakin jauh dengan nilai-nilai kemanusiaan. Kalau sekularisasi berjaya memisahkan manusia dengan agama tetapi liberalisasi lebih teruk dan parah. Menurut Rosnani Hashim (2007), ancaman liberalisasi yang paling menyengat umat Islam ialah serangan pemikiran dan budaya. Liberalisasi muncul daripada fahaman hak kebebasan manusia seperti hak berucap, hak menerbit atau menulis, hak memilih agama atau sebagainya.

Pengaruh globalisasi terhadap pendidikan amat mencabar. Maka, kekuatan FPK yang berpaksikan kepada kepercayaan kepada Tuhan akan dapat menghakis pengaruh negatif kesan daripada globalisasi ini. Namun hakikatnya, tahap penghayatan dan pengamalan terhadap nilai-nilai murni semakin berkurangan dalam diri manusia. Manusia masa kini rakus mengejar nikmat dunia. Hal-hal yang berkaitan dengan halal-haram sudah tidak dihiraukan, malah apa yang diharapkan hanya untuk kepuasan diri.

Cabaran teknologi maklumat hasil daripada daripada dasar langit terbuka lebih banyak mendatangkan mudarat terutamanya kepada golongan remaja yang sedang mengalami perubahan diri. Alam remaja dikatakan sebagai saat yang rapuh bagi golongan ini kerana pada peringkat remaja, mereka terdedah kepada pelbagai pengaruh serta tekanan luar yang kebanyakannya menjerumuskan kepada perkara negatif. Menurut Saedah Siraj (2000) dan Arief Salleh *et.al.*, (2004), pengaruh yang paling mudah menjangkiti golongan remaja adalah pengaruh negatif. Lebih-lebih lagi era globalisasi masa kini banyak mengundang keburukan sekiranya ia tidak dibatasi dengan nilai-nilai agama. Memang tidak boleh dinafikan bahawa kita harus mengikuti arus perkembangan semasa, namun pihak-pihak tertentu seharusnya membuat kawalan dan pantauan agar arus perkembangan semasa ini tidak akan menyekat dan melalaikan umat.

3.2 Sekularisme dan Dualisme

Maksud sekularisme ialah memisahkan agama daripada kehidupan. Menurut Kamus Dewan ialah: faham (doktrin, pendirian dan sebagainya) yang menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada urusan-urusan dan tidak bersangkutan dengan agama (seperti pentadbiran awam dan lain-lain). Ideologi yang membina seluruh peraturan hidup manusia dalam aspek yang berbentuk materialistik hanya untuk kepentingan, ukuran-ukuran nilai duniawi semata-mata. Menurut fahaman ini tuntutan duniawi mesti dilaksanakan semaksimum mungkin, selagi nyawa dikandung badan dan tiada apa-apa lagi yang berguna selepas mati.

Pelaksanaan terhadap tuntutan fahaman sekularisme secara langsung akan membawa seseorang muslim kepada penolakan berlaku taat kepada ajaran Allah s.w.t. Pemikiran ini juga hanya merupakan aspek manusia dengan manusia dan manusia dengan alam tanpa mengambil kira hubungan manusia dengan Pencipta. Matlamat sekularisme adalah untuk menutup sebarang hubungan alam ini dengan Allah s.w.t.

Sekularisme tidak menjadikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai panduan tetapi mereka menggantikan dengan teori-teori, falsafah-falsafah dan konsep-konsep yang bersumberkan akal fikiran manusia. Matlamat mereka adalah untuk menegakkan kuasa pemerintahan yang tidak tunduk kepada kuasa agama (gereja kristian). Ini berpunca daripada kekeliruan mereka tentang ilmu dan agama, atau antara akal dan wahyu (Che Kamarudin *et.al*, 2000).

Sistem pendidikan sekularisme telah mewujudkan dualisme di dalam konsep pendidikan. Kewujudan konsep dualisme telah memisahkan antara pengajaran agama dan disiplin akal yang lain. Berbeza dengan konsep pendidikan bersepadu yang mengimbangi antara pembinaan akal, jasad, kerohanian dan akhlak (Tajul Ariffin Nordin, 1993).

Sekularisme dan dualisme ini banyak meninggalkan kesan dalam sistem pendidikan kini. Akibat penjajahan Inggeris, sistem pendidikan yang dibawa oleh Inggeris sedikit sebanyak tetap menjadi amalan. Antaranya ialah pengasingan sekolah agama dan bukan agama, penggunaan Bahasa Inggeris yang terlalu giat dalam pengajaran dengan mengenyahkan tulisan jawi dan Bahasa Arab, penghantaran pelajar ke Barat dibantu dengan meriah berbanding penghantaran pelajar ke Timur Tengah dan perniagaan sektor pendidikan. Mungkin inilah yang menjadikan FPK kurang berkesan.

3.3 Kurikulum Pendidikan

Cabaran bagi FPK masa kini yang berkaitan dengan kurikulum ialah merealisasikan konsep sepadu dalam semua aspek kurikulum pendidikan. Menurut Rosnani Hashim (2001) kurikulum meliputi seluruh proses pembelajaran, dari menentukan matlamat dan objektif, membina kandungan yang relevan, memikirkan kaedah pengajaran, penilaian tentang keberkesanannya sehinggalah kepada maklum balas untuk memperbaikinya. Konsep kesepaduan yang dinyatakan oleh Tajul Ariffin Noordin dan Nor'Aini Dan (2002) meliputi aspek kesepaduan dalam matlamat pendidikan, kesepaduan dalam kurikulum, kesepaduan kaedah pengajaran, kesepaduan dalam penilaian, kesepaduan dalam ketrampilan guru, kesepaduan dalam kemahiran, kesepaduan dalam ko-kurikulum, kesepaduan nilai-nilai murni dan kesepaduan dalam menangani Wawasan 2020.

Namun isu yang masih belum diselesaikan kini ialah penilaian kurikulum pendidikan yang masih mengutamakan peperiksaan akademik yang cemerlang. Sememangnya penilaian itu penting dalam pendidikan untuk melihat tahap pencapaian dan perubahan seseorang

pelajar kerana matlamat pendidikan ialah berlakunya perubahan dalam diri pelajar ke tingkat yang lebih baik. Sebaliknya, kurikulum pendidikan kini hanya menumpukan kepada ketinggian intelek semata-mata bagi mengukur kejayaan dan kecemerlangan seseorang. Dengan itu, matlamat untuk membangunkan insan akan terbantut sekiranya terdapat pelajar yang tidak melepasi tahap yang dikatakan berjaya tetapi mempunyai sahsiah yang baik.

Justeru, bagi mengejar matlamat peperiksaan, guru-guru hampir lupa atau tidak berkesempatan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam setiap pengajarannya. Hasilnya, guru terpaksa menghabiskan isi kandungan mata pelajaran kerana bimbang pelajar tidak mampu menjawab sekiranya tajuk yang tidak diselesaikan akan keluar di dalam peperiksaan. Persoalannya, bagaimanakah bentuk insan yang ingin dilahirkan oleh pendidikan masa kini? Walau berapa banyak idea kesepaduan yang diutarakan dan dibahaskan sekiranya dari segi perlaksanaannya tidak ada, maka seolah-olah hanya mencurahkan air ke daun keladi. Apakah halangan yang menghalang konsep kesepaduan ini dilaksanakan dengan sepenuhnya? Oleh kerana itu, mengapa tidak sistem penilaian juga disepadukan seperti yang dijelaskan oleh Tajul Ariffin Noordin dan Nor 'Aini Dan (2002) dengan mengambil kira di dalam sistem penggredan nilai sahsiah seseorang pelajar. Dengan itu kategori pelajar yang dikatakan cemerlang ialah pelajar yang baik dari segi akademiknya maupun sahsiahnya.

Implikasi daripada penekanan terhadap peperiksaan, pelajar yang kurang bernasib baik akan terpinggir. Maka bagaimana insan dapat dibangunkan jika potensinya hanya diukur pada satu-satu bahagian? Jika dilihat dari satu sudut, inilah punca kepada pelajar terjerumus dalam kancah gejala sosial kerana ia tidak diberi peluang untuk mengembangkan seluruh potensinya. Mungkin juga ini ada kaitannya dengan asas pentarbiyyahan yang dibawa oleh ibu bapa di samping corak kependidikan guru yang disampaikan di sekolah sebagai pengukuhan pendidikan di rumah.

3.4 Keprofesionalan Guru

Hasrat FPK melahirkan insan sempurna tidak akan kesampaian sekiranya orang yang bertanggungjawab secara formal dalam menyampaikan ilmu ini tidak berkesan. Istilah guru berkesan sudah lama dibahaskan (Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan, 2002) iaitu semenjak penggubalan dan pelaksanaan KBSR dan KBSM lagi. Guru atau pendidik merupakan ejen penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Keberkesanan pendidikan bergantung kepada kesedaran

para guru terhadap tanggungjawabnya sebagai pendidik. Oleh itu, para guru haruslah melaksanakan tanggungjawab dan sentiasa menjaga nama baik mereka sebagai pendidik dan pemimpin masyarakat dengan menjalankan segala tugas dan tanggungjawab secara ikhlas dan jujur. Perwatakan, keilmuan dan kemahiran profesional guru memainkan peranan yang penting bagi membolehkan penyampaian ilmu secara berkesan tentang kepercayaan, pengetahuan, kemahiran dan pemahaman yang diperlukan pada sebarang peringkat (Abdul Halim el-Muhammadi, 1986; Kamarul Azmi *et.al.*, 2007).

Tajul Ariffin Noordin dan Nor 'Aini Dan (2002) menjelaskan bahawa cabaran sebenar seorang guru ialah bagaimana untuk memanusiaikan manusia (membina insan) ditengah-tengah era kegawatan dan kemusnahan nilai moral, akhlak, adab dan tabii manusia. Berdasarkan krisis akhlak yang berlaku sekarang, tidak salah jika guru dipersalahkan. Menurut Mohd. Shafiq (1995), guru yang lemah memahami terhadap visi Islam, ilmu mereka tidak benar sekiranya tanpa roh Islam seperti katanya:

As the result of all that, the students who study under these teachers, if they do not graduate as confirmed at heists, secularists or communist, thier views of Islam recede to the realm of personal, subjective and sentimental attachment to family and people.

Oleh yang demikian, Imam al-Ghazali dalam kitabnya "*Ihya' Ulum al-Din*" telah menjelaskan tentang ketinggian martabat seorang guru. Menurut al-Ghazali tugas seorang guru itu ialah menyayangi pelajarinya serta bersikap lemah lembut dan menjadikan pelajar tersebut seperti anak-anaknya. Rasulullah s.a.w telah bersabda daripada Abu Hurairah yang bermaksud: "*Sesungguhnya aku bagi kamu umpama bapa bagi anak-anaknya*" diriwayatkan oleh Abu Daud, Nasa'i, Ibn.Majah dan Ibn. Hibban. Al-Ghazali menjelaskan maksud hadis ini ialah bahawa tugas guru menyelamatkan pelajar daripada api neraka. Sekiranya tidak ada guru nescaya tidak akan teratur apa yang telah dihasilkan oleh ibubapa untuk mendapatkan kebaikan yang berkekalan. Sesungguhnya guru memberi faedah di dunia dan akhirat selama-lamanya. Ini bermaksud guru hendaklah mempunyai niat menjalankan tugas kerana untuk mencapai kebaikan dunia dan akhirat, bukannya semata-mata kepentingan duniawi sahaja (Zainuddin Abi al-Fadhl al-Iraqi, 1992).

Hakikatnya, sebahagian daripada guru-guru masa kini tidak menepati kehendak FPK dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG)⁸ itu sendiri. Ini

⁸.Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin."

mungkin terdapat beberapa faktor antaranya dari sudut bebanan tugas, kehidupan ekonomi yang mendesak dan yang paling utama ialah pengaruh sekularisme yang telah memberi kefahaman bahawa tidak ada kaitan tugas mengajar dengan ibadat. Ekoran daripada inilah, kebanyakan yang memohon menjadi guru adalah demi memenuhi tuntutan peluang pekerjaan yang mendesak dalam bidang perguruan. Akhirnya, penceburan dalam bidang perguruan dengan tidak ada niat yang sebenar untuk membangunkan insan tetapi untuk mendapatkan pendapatan bulanan yang baik. Justeru itu, kita lihat para guru tidak menunjukkan contoh teladan sama ada dari aspek tingkah laku, berpakaian dan perhubungan sesama manusia.

Isu dalam profesion ini juga dikaitkan dengan pendekatan dan kaedah pengajaran guru. Rentetan daripada niat yang tidak bertepatan dengan konsep pendidik, maka ia memberi kesan ke atas pengajaran dan pembelajaran. Banyak kajian yang menunjukkan bahawa guru kurang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran yang menyebabkan pelajar kurang berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran. Jadi bagaimanakah insan itu dapat dibangunkan jika penyampaiannya tidak menarik perhatian orang yang hendak dibangunkan. Memang tidak dinafikan bahawa terdapatnya kursus-kursus perguruan / latihan mengajar bagi guru-guru / tenaga pengajar yang ingin menceburkan dirinya dalam bidang ini tetapi sejauh manakah keberkesanan kursus ini jika dibandingkan dengan tahap akhlak pelajar masa kini?

4.0 PENUTUP

Secara keseluruhannya, kerangka dan konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan sudah cukup unik dan lengkap bagi membangunkan insan. Usaha-usaha untuk melahirkan insan kamil seharusnya bukan sekadar satu konsep dan falsafah malah harus diteliti dengan sebaik mungkin. Penyemakan dan penilaian terhadap kurikulum harus dipantau dengan kerap agar dapat menangkis sebarang permasalahan yang wujud dengan segera. Namun kadang kala kemelut masyarakat agak sukar difahami kerana terdapat pelbagai idea dan pandangan yang bercanggahan antara satu sama lain. Apa yang pasti kesan-kesan sekularisasi dan liberalisasi masih menghantui sistem negara sama ada pada ekonomi, politik, sosial dan juga dalam pendidikan itu sendiri. Justeru, yang masih menjadi isu dan cabaran dalam sistem pendidikan kita ialah bagaimana untuk mengislamisasikan pendidikan agar matlamat sebenar FPK akan tercapai dengan jayanya.

RUJUKAN

- Abdul Halim el-Muhammadi. (1986). Peranan Guru dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Islam Tahun 1* Bil. 4.
- Ahmad Mohd. Salleh. (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Arieff Salleh Rosman & Wardah Mokhtar. (2004). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Che Kamarudin Md Daud, Nik Aminah Nik Idris, Rukiah Muhamad, Siti Fatimah Sudin & Sulaiman Wahid. (2000). *Asas-Asas Islam 11*. Pusat Pendidikan Islam: UiTM Shah Alam.
- Ghazali Darusalam. (2004). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Habib Mat Som & Megat Ahmad Kamaluddin Megat Daud. (2006). Globalisasi dan Cabaran Pendidikan Di Malaysia. *Jurnal Masalah Pendidikan. Jilid 31* Bil 1.
- Hassan Ahmad & Mohd Salleh Ahmad. (2002). *Usul Fiqh dan Kaedah Fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abd. Majid.
- Hassan Langgulong. (1991). *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke 21*. Shah Alam, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi & Ab.Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM.
- Mok Soon Sang. (2009). *Pengurusan Kurikulum*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mok Soon Sang. (2009). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Shafiq. (1995). Islamization Of Knowledge: Philosophy and Methodology and Analysis Of The Views and Ideas Of Ismail R. Al-Faruqi, S. Hossein Nasr and Fazlur Rahman. *Jurnal Hamdard Islamicus. Vol XVIII* No 3.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rosnani Hashim. (2001). Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam. Jilid 9* Bil. 4.

- Rosnani Hashim. (2007). Liberalisasi Pendidikan Dan Cabarannya Dalam Konteks Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 12 Bil. 2.
- Saedah Siraj. (2000). *Remaja Dan Strategi Penyelesaian Masalah*. Selangor: Alam Pintar Enterprise.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020: Falsafah, Perguruan dan Persekolahan*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Noordin. (1993). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Noor 'Aini Dan. (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bandar Baru Bangi, Selangor: As-Syabab Media.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020: Falsafah, Perguruan dan Persekolahan*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Zainuddin Abi al-Fadhil al-Iraqi. (1992). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Maktabah al-'Aysriyyah.

